

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, October 11, 2018 5:38 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tanam Pokok Gaharu – Semai Kesedaran Pelihara Alam Sekitar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

11 OKTOBER 2018 / 02 SAFAR 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Aina Syamimi Che Hassan
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TANAM POKOK GAHARU – SEMAI KESEDARAN PELIHARA ALAM SEKITAR



UUM ONLINE: Bagi menyemai kesedaran dan membudayakan penjagaan alam sekitar, Jabatan Canselori mengambil inisiatif menganjurkan program menanam anak pokok Gaharu di sisiran Sungai Sintok, pagi tadi.

Program ini merupakan lanjutan daripada perjanjian yang dimeterai pada 2016 antara UUM, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan TESCO Berhad bagi usaha menanam 25,000 batang anak pokok Gaharu dalam tempoh 10 tahun.

Pengarah Jabatan Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah berkata program menanam pokok Gaharu ini selaras dengan hasrat universiti untuk mewujudkan kesedaran tentang alam sekitar, pengetahuan dan kelestarian kampus hijau dalam kalangan warganya.

“Untuk fasa pertama TESCO Berhad telah menyediakan 5,000 batang anak pokok Gaharu untuk ditanam dalam masa terdekat. Penglibatan warga UUM khususnya staf Jabatan Canselori amat bermakna terutamanya dalam memulihara alam sekitar dan menjadikan UUM sebagai kampus yang bersih dan nyaman,” ujar beliau.

Kira-kira 600 anak pokok Gaharu ditanam dalam program yang turut mendapat kerjasama Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP) dan Kelab Hikers UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.